

08/01/1997

Pembangunan IT ubah cara hidup, kerja

Khairul Anuar Samad

SERAMPANG tiga mata yang menjadi amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam agenda teknologi maklumat (IT) tahun lalu akan merealisasikan pembangunan IT daripada arus menjadi gelombang pada tahun ini.

Usaha Dr Mahathir bukan berakhir pada amanat itu saja, malah ia akan disusuli dengan satu pertemuan 10 ketua industri IT Amerika Syarikat pertengahan bulan ini di San Francisco, yang mampu mempercepatkan pembangunan negara ke era IT.

Sepuluh ketua itu adalah antara ahli panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mana Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Microsoft, Bill Gates, turut menganggotainya.

Sesi pertemuan kali ini dijangka memusatkan kepada pembangunan MSC yang mana di dalamnya terdapat lapan aplikasi utama perlu dibangunkan iaitu sekolah bistari, kad pintar pelbagai guna, kerajaan elektronik serta pengkelompokan penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, tumpuan pembangunan MSC juga merangkumi konsep halaman pengeluaran global, pusat pemasaran tanpa sempadan, teleperubatan dan pusat kewangan multimedia.

Sejajar dengan usaha negara menuju 2020 yang akan membolehkan penggunaan sepenuhnya IT dalam segala urusan pentadbirannya, pertemuan itu sudah tentu mampu menghasilkan satu kata padu menjadikan Malaysia pusat IT rantau ini selain memasuki industri teknologi IT global.

Sehingga kini, sebanyak 20 syarikat utama IT termasuk Microsoft Corp. dan Sun Microsystems menyatakan hasrat untuk menyertai MSC, manakala antara syarikat lain termasuk daripada Amerika, Jepun dan Kanada.

Pertemuan itu sudah tentu mampu mendapat sokongan padu daripada mereka memandangkan Kerajaan sudah meyakinkan syarikat berminat dengan memberi jaminan (Bill of Guarantees) kepada mereka yang mendapat status syarikat MSC.

Untuk mendokong sesi pertemuan itu, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang diberi peranan membentuk dan melaksana strategi memasarkan MSC, akan menyediakan persekitaran yang berupaya menjana idea kreatif lagi inovatif dalam merangsang pertumbuhan industri multimedia bagi pasaran global.

MDC sehingga kini sudah menampakkan kejayaan peranannya dengan pengiktirafan kepada Sun Microsystems Inc. sebagai syarikat MSC manakala NTT menyatakan komitmennya untuk membuka pusat penyelidikan dan pembangunan di MSC.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang menyedari alaf baru memerlukan tumpuan kepada IT, meminta rakyat menyesuaikan diri dengan caranya yang bermakna corak kehidupan akan turut berubah. Segala urusan akan membabitkan suara, gambar, data dan semua maklumat lain.

Kemunculan MSC contohnya akan mencorakkan penghidupan baru yang mana konsep kehidupan itu akan dikembangkan ke negeri lain dan MSC juga berupaya meningkatkan pendapatan rakyat.

Sejajar dengan keadaan itu, Kerajaan menyediakan pelaburan tinggi dalam IT pada kadar purata 24 peratus setahun daripada RM1.3 bilion (1990) kepada RM3.8 bilion (1995).

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa MSC sudah tentu mampu meyakinkan ketua industri IT Amerika itu memandangkan kerajaan memberi jaminan akan terus menyediakan infrastruktur dan kemudahan berkualiti

serta mencukupi bagi memudahkan usaha pembangunan MSC.

Apa yang lebih meyakinkan pertemuan itu akan menghasilkan kejayaan ialah kerajaan mampu mengatasi masalah tenaga kerja dalam industri IT negara iaitu melalui penubuhan universiti multimedia pertama di bandar raya IT, Siberjaya, bersebelahan pusat pentadbiran Putrajaya di Sepang, Selangor.

Kerajaan sebelum ini sudah menjangka akan menghadapi kekurangan itu apabila keluaran keseluruhan tenaga kerja daripada institusi awam dan swasta hanya berjumlah 20,166 berbanding permintaan 27,174.

Dalam memastikan sokongan sentiasa memihak kepada MSC dan Dr Mahathir pada pertemuan itu, satu akta undang-undang siber akan disediakan dalam melicinkan pelaksanaan MSC selain meyakinkan pelabur bahawa hak cipta mereka sentiasa terpelihara.

Rang undang-undang yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi itu merangkumi tandatangan digital, jenayah komputer, harta intelek multimedia dan pembangunan teleperubatan.

Bagi memastikan MSC berupaya menyalur maklumat global dengan pantas dan tepat, infrastruktur Jaring pasti dipertingkatkan keupayaannya dengan peruntukan RM400 juta bagi menambah bilangan nod menjadi 100.

Untuk memantapkan lagi sistem komunikasi melalui Internet, selain Mimos Berhad menyediakan Jaring, kerajaan melantik pembekal maklumat Internet kedua, Telekom Malaysia yang menyediakan TMNet.

Mimos juga menjadi pengendali kepada nodus sistem rangkaian A Bone bagi membekalkan perkhidmatan komprehensif kepada pelanggannya yang mana rangkaian Jaring A Bone itu menggunakan talian E1 atau 2MB/s. Sasaran utama melalui perkhidmatan itu ialah konglomerat Jepun yang melabur di Malaysia atau mempunyai kilang di Asia Tenggara.

Satu lagi fakta yang mampu menyokong kejayaan pertemuan itu ialah infrastruktur telekomunikasi canggih melalui satelit Measat 1 dan Measat 2 serta Measat 3 mulai awal tahun depan.

Measat 1 dan Measat 2 adalah satelit yang pertama di dunia menggunakan teknologi terkini selain menjadikan Malaysia antara negara pertama menggunakan hantaran standard penyiaran MPEG-2 serta sistem satelit berkuasa tinggi jalur Ku dan teknologi Terus Ke Pengguna (DTU).

Apa yang sudah pasti, MSC akan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur terbaik dalam memudahkan operasi syarikat terbabit yang sudah tentu meyakinkan mereka bahawa Malaysia serius untuk mencapai kejayaan melalui MSC.

Walaupun 2020 masih jauh, pertemuan itu mampu menjadi pembuka jalan dalam memangkinkan kewujudan MSC, tambahan lagi Dr Mahathir dijangka akan berpindah ke pejabat barunya di Putrajaya tahun depan.

"Tetapi percayalah, kita sebenarnya tidak mempunyai pilihan. Zaman maklumat akan memaksa kita mengubah cara hidup dan bekerja. Lebih awal kita sesuaikan diri, lebih cepat kita pelajari ilmu baru ini, lebih baiklah masa depan kita." Itulah amanat Dr Mahathir sempena tahun baru 1997, baru-baru ini.

(END)